

# Rayuan KUB tak dapat restu Mahathir

KUALA LUMPUR 14 Dis. — Rayuan Koperasi Usaha Bersatu — koperasi kepunyaan UMNO — supaya kerajaan meluluskan permintaannya untuk memperolehi baki saham dalam Kwong Yik Bank tidak mendapat restu Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Pengerusi KUB, Dato' Harun Haji Idris, dalam ucapannya di mesyuarat agung perwakilan tahunan ketujuh koperasi itu berharap kerajaan dapat menimbangkan permohonan yang telah dibuat lebih setahun, sebelum pengumuman atas peraturan hakmilik bank-bank diumumkan baru-baru ini.

Tetapi Perdana Menteri, yang juga Presiden UMNO dalam ucapan perasmiannya, menjawab "Saya menasihatkan lembaga pengarah KUB menumpukan perniagaan kepada jual-beli dan tidak usah tamak kepada pembelian atau penjualan saham kerana itu bukan kekayaan semulajadinya."

"Saya mahu pengurusan KUB memberi perhatian serius kepada soal-soal perniagaan sebenar dan tidak cuma memandang kepada cara-cara yang nampak mudah memiliki kekayaan tetapi akhirnya membinasakan kita," tegasnya sambil menjelaskan nasihat itu dibuat selaku pemegang amanah KUB.

Beliau juga berpesan apabila menyertai perniagaan, setiap syarikat hendaklah bergantung kepada kepintaran untuk mendapatkan keuntungan dan tidak bergantung kepada kuasa orang-orang politik.

"Memang mudah mendapatkan keuntungan jika mendapat lesen bank yang dikeluarkan oleh orang-orang yang berkuasa. Perniagaan yang paling baik ialah menjual lesen itu tetapi saya yakin ini bukan niat KUB dan KUB juga tidak ingin sangat bergantung kepada pengaruh orang-orang politik."

Perdana Menteri berkata KUB ialah satu jenis pertubuhan yang agak "pelik" kerana ia merupakan sebuah badan perniagaan tetapi diasaskan oleh sebuah parti politik.

"Di antara keduanya, yang satu inginkan kuasa, yang satu hendak duit. Tetapi kadang-kadang berkuasa juga berguna untuk membuat duit."

Beliau mahukan KUB sebaliknya menunjukkan keupayaan mendapatkan keuntungan yang boleh dilihat dan dirasakan oleh para pemegang sahamnya sebagai daya tarikan untuk menarik lebih ramai pelabur.

"Jika dapat pungut keuntungan, tanpa kempen, tanpa usaha apa-apa semua akan membeli saham KUB kerana semua hendak menjadi kaya," ujar Perdana Menteri sambil menegaskan tidak perlu mengadakan kempen besar-besaran untuk menarik ahli seperti Amanah Saham Nasional di mana kos kempen melebihi jumlah yang membeli saham.

Dalam ucapannya, Dato' Harun berkata KUB akan memulakan satu skim pinjaman yang mana ahli-ahlinya yang mempunyai saham \$500 dan terus menyimpannya layak meminjam \$5,000 untuk membeli Amanah Saham Nasional (ASN) yang akan dibayar balik dalam masa 10 tahun daripada dividen dan bonus yang diperolehinya.